KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

SEMINAR KEPIMPINAN MyDESA 2025
PERKUKUH TADBIR URUS DAN KEPIMPINAN LUAR BANDAR

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui Institut Kemajuan Desa (INFRA) menganjurkan **Seminar Kepimpinan MyDesa Tahun 2025** bertempat di Hotel Hilton Petaling Jaya, Selangor dari 12 hingga 14 Oktober 2025. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh **YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah**.

Program ini **menghimpunkan lebih 300 orang pemimpin desa dari seluruh Semenanjung Malaysia** yang terdiri daripada wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP), pengusaha inap desa (*homestay*), pemimpin belia dan wanita desa serta wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Penganjuran MyDesa 2025 ini merupakan antara **inisiatif utama di bawah Teras 8: Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)** yang menekankan pembentukan sistem tadbir urus luar bandar yang berintegriti, cekap dan berkesan. Ia juga merupakan kesinambungan kepada Simposium Bandar Desa dan Seminar Kepimpinan Wanita Luar Bandar yang dianjurkan INFRA sebelum ini.

Sepanjang tiga hari penganjuran, peserta berpeluang mengikuti pelbagai sesi perkongsian bersama **pakar motivasi, ahli akademik, aktivis pembangunan desa serta pegawai kanan KKDW** bagi memperkukuh ilmu, kemahiran dan daya kepimpinan dalam mengurus kemajuan sosial, ekonomi dan budaya komuniti luar bandar.

Penganjuran **Seminar Kepimpinan MyDESA 2025** diharap dapat melahirkan **pemimpin desa yang berpengetahuan, berintegriti dan berkeyakinan**, sekali gus menyumbang kepada pembentukan komuniti luar bandar yang **makmur, mampan dan inklusif.**

Penganjuran ini mencerminkan komitmen INFRA memperkukuh peranannya sebagai **Pusat Kecemerlangan Luar Bandar (Centre of Rural Excellence – CORE)** serantau menjelang ulang tahun ke-30 penubuhannya pada 2026, selaras aspirasi “Desa DNA Kita.”

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
14 OKTOBER 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my